



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERBANDINGAN KEBERKESANAN  
PROGRAM PENDIDIKAN JASMANI DI  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LELAKI DAN  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEREMPUAN  
DAERAH KLANG NEGERI SELANGOR**

**HOE FOO TERNG**

**FPP 1999 5**

**PERBANDINGAN KEBERKESANAN PROGRAM  
PENDIDIKAN JASMANI  
DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LELAKI  
DAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEREMPUAN  
DAERAH KLANG NEGERI SELANGOR**

**HOE FOO TERNG**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
1999**



**PERBANDINGAN KEBERKESANAN PROGRAM  
PENDIDIKAN JASMANI  
DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LELAKI  
DAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEREMPUAN  
DAERAH KLANG NEGERI SELANGOR**

**OLEH  
HOE FOO TERNG**

**PROJEKINI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SYARAT KEPERLUAN IJAZAH MASTER SAINS  
DI FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**APRIL 1999**



**Untuk**  
**Ayah & Ibu,**  
**Isteri,**  
**Adik-Adik**  
**dan**  
**Anak-Anakku**  
**Yang Tersayang.**

## Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia projek, Tuan Sheikh Kamaruddin Sheikh Ahmad di atas bimbingan , nasihat dan tunjuk ajar yang tidak jemu-jemu yang telah beliau curahkan sepanjang pengajian dan semasa penyelidikan menyempurnakan projek ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor yang membolehkan penyelidik menjalankan kajian ini di sekolah-sekolah. Penyelidik juga menyanjung tinggi kerjasama semua pentadbir sekolah menengah di Daerah Klang yang terlibat dalam menjalankan kajian ini.

Terima kasih kepada semua pensyarah yang telah mendidik dan mencurahkan ilmu pengetahuan sepanjang masa penulis menuntut di Universiti Putra Malaysia, terima kasih juga kepada semua sahabat dan individu yang turut memberi dorongan dan bantuan kepada penulis untuk menyediakan kajian ini sema ada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya guru-guru Pendidikan Jasmani dan pelajar-pelajar Tingkatan Empat yang terlibat dalam kajian ini.

Tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Pn. Chew Wai Ching dari Sekolah Menengah Kwang Hua yang membantu dalam membetulkan jalan bahasa dalam projek ini dan Pn. Prema A/P Balakrishnan yang membantu dalam menyemak abstract

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapat Ijazah Master Sains.

**PERBANDINGAN KEBERKESANAN PROGRAM  
PENDIDIKAN JASMANI  
DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LELAKI  
DAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEREMPUAN  
DAERAH KLANG NEGERI SELANGOR**

oleh

HOE FOO TERNG

April 1999

**Penyelia : Tuan Sheikh Kamaruddin Sheikh Ahmad, PJK.  
Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.**

Kajian ini bertujuan untuk membandingkan keberkesanan program Pendidikan Jasmani yang dilaksanakan di sekolah menengah kebangsaan lelaki dan sekolah menengah kebangsaan Perempuan di Daerah Klang, Negeri Selangor. Keberkesanan program Pendidikan Jasmani dinilai dari lapan aspek, iaitu: pencapaian matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Jasmani, pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani, faktor pentadbir, sokongan ibu bapa, keberkesanan guru Pendidikan Jasmani, keberkesanan aktiviti kelas Pendidikan Jasmani, keberkesanan pelaksanaan sukanan pelajaran Pendidikan Jasmani serta kemudahan fizikal dan alatan Pendidikan Jasmani. Responden terdiri daripada 200 orang pelajar Tingkatan Empat dan 40 orang guru Pendidikan Jasmani dari empat buah sekolah menengah kebangsaan lelaki dan empat buah sekolah menengah kebangsaan perempuan di daerah Klang, Negeri Selangor. Antara lapan aspek keberkesanan program Pendidikan Jasmani, sekolah-sekolah lelaki dan sekolah-sekolah perempuan di daerah Klang didapati mencapai tahap berkesan dalam enam aspek, iaitu pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani,

faktor pentadbir, keberkesanan guru Pendidikan Jasmani, keberkesanan aktiviti kelas Pendidikan Jasmani, keberkesanan pelaksanaan sukanan pelajaran Pendidikan Jasmani serta kemudahan fizikal dan alatan Pendidikan Jasmani. Berkenaan dengan aspek pencapaian matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Jasmani, sekolah-sekolah lelaki didapati mencapai tahap sangat berkesan. Sekolah-sekolah perempuan pula mendapati sokongan ibu bapa terhadap keberkesanan program Pendidikan Jasmani adalah pada tahap kurang berkesan. Sekolah-sekolah lelaki dikatakan lebih berkesan daripada sekolah-sekolah perempuan pada aspek-aspek pencapaian matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Jasmani, pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani, faktor pentadbir dan sokongan ibu bapa terhadap program Pendidikan Jasmani. Sekolah-sekolah perempuan adalah lebih berkesan pada aspek-aspek keberkesanan guru Pendidikan Jasmani, keberkesanan aktiviti kelas Pendidikan Jasmani, keberkesanan pelaksanaan sukanan pelajaran Pendidikan Jasmani serta kemudahan fizikal dan alatan Pendidikan Jasmani berbanding dengan sekolah-sekolah lelaki. Daripada kajian, didapati keberkesanan program Pendidikan Jasmani di sekolah menengah kebangsaan lelaki dan sekolah menengah kebangsaan perempuan adalah pada tahap berkesan ( $\text{Min} = 213.5 - 284.5$ ). Sesungguhpun tahap keberkesanan kedua-dua jenis sekolah ini adalah sama tetapi bandingan min menunjukkan bahawa keberkesanan program Pendidikan Jasmani di sekolah menengah kebangsaan lelaki ( $\text{Min}=267.79$ ) adalah lebih tinggi berbanding dengan sekolah menengah kebangsaan perempuan ( $\text{Min}=265.76$ ) secara keseluruhan. Kajian menunjukkan bahawa faktor jantina merupakan faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan program Pendidikan Jasmani.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements for the Degree of Master of Science.

**A COMPARISON OF THE EFFECTIVENESS OF PHYSICAL EDUCATION PROGRAMME IN BOYS' AND GIRLS' SECONDARY SCHOOLS IN THE KLANG DISTRICT, SELANGOR.**

By

HOE FOO TERNG

April 1999

Supervisor : Tuan Sheikh Kamaruddin Sheikh Ahmad, PJK.  
Faculty : Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia.

This research was conducted in four boys' and four girls' secondary schools in the Klang District of Selangor and was intended to compare the effectiveness of the Physical Education programme carried out in these schools. The effectiveness of the Physical Education programme was evaluated from eight aspects, they are achievement of aim and objective of the Physical Education curriculum, implementation of the Physical Education curriculum, school administration factor, parental support, effectiveness of Physical Education teachers, effectiveness of Physical Education class activities, effectiveness of implementation of Physical Education syllabus and physical facilities and equipments of Physical Education. A total of 200 Form Four students and 40 Physical Education teachers from eight schools were taken as respondents. Out of the eight aspects of effectiveness, both boys' and girls' schools were found effective in six aspects, They are implementation of the Physical Education curriculum, school administration factor, effectiveness of Physical Education teachers, effectiveness of Physical Education class activities, effectiveness of implementation of Physical Education syllabus and physical facilities and equipments of Physical Education. Achievement of aim and objective of the Physical Education curriculum aspect was

found to be very effective in boys' schools. Whereas, parental support was found to be less effective in girls' schools. In achievement of aim and objective of the Physical Education curriculum, implementation of the Physical Education curriculum, school administration factor and parental support aspects, the boys' schools were better than girls' schools. In the effectiveness of Physical Education teachers, effectiveness of Physical Education class activities, effectiveness of implementation of Physical Education syllabus and physical facilities and equipments of Physical Education aspects, the girls' school were better than boys' optional. Data indicated that the Physical Education programme for both boys' and girls' schools were effective (Mean= 213.5 - 284.5). The result showed that the effectiveness of Physical Education programme in the boys' schools (Mean=267.79) were higher than the girls' schools (Mean=265.76). Overall, the findings show gender is a significant factor that affects the effectiveness of the Physical Education programme.

## KANDUNGAN

### MUKA SURAT

PENGHARGAAN .....	i
ABSTRAK .....	ii
ABSTRACT .....	iv
SENARAI JADUAL .....	viii

### BAB

<b>1</b>	<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
	Pernyataan Masalah .....	3
	Objektif Kajian .....	4
	Kepentingan Kajian .....	5
	Batasan Kajian .....	6
	Limitasi .....	7
	Pengertian Istilah .....	7
<b>2</b>	<b>KAJIAN BERKAITAN .....</b>	<b>9</b>
	Kurikulum Bersepadu .....	10
	Perbezaan Jantina Terhadap Corak Interaksi, Persepsi Diri dan Pencapaian .....	11
	Sikap Pelajar Terhadap Pendidikan Jasmani .....	13
	Persepsi Terhadap Program Pendidikan Jasmani .....	16
	Pelaksanaan Kurikulum dan Keberkesanannya Pendidikan Jasmani .....	19
	Sikap dan Persepsi Guru Terhadap Pendidikan Jasmani .....	22
	Sikap dan Persepsi Guru Pelatih Terhadap Pendidikan Jasmani .....	24
	Sikap dan Persepsi Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Jasmani .....	25
	Skala Pengukuran .....	26
<b>3</b>	<b>METODOLOGI .....</b>	<b>29</b>
	Reka Bentuk Kajian .....	29
	Persampelan Kajian .....	29
	Instrumen Kajian .....	30
	Prosedur Kajian .....	32
	Kaedah Penganalisaan Data .....	33
<b>4</b>	<b>PENGANALISISAN DATA .....</b>	<b>36</b>
	Perbandingan Aspek-Aspek Keberkesanannya Pendidikan Jasmani Di Sekolah Lelaki Dan Sekolah Perempuan .....	37
	Aspek Pencapaian Matlamat dan Objektif Pendidikan Jasmani .....	38

Aspek Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani ...	40
Aspek Faktor Pentadbir .....	41
Aspek Sokongan Ibu Bapa .....	42
Aspek Keberkesanan Guru Pendidikan Jasmani .....	44
Aspek Keberkesanan Aktiviti Kelas Pendidikan Jasmani .....	45
Aspek Keberkesanan Pelaksanaan Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani .....	47
Aspek Kemudahan Fizikal dan Alatan Pendidikan Jasmani .....	48
Perbandingan Aspek-Aspek Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani .....	50
Tinjauan Dan Perbandingan Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani Sekolah Menengah Lelaki dan Sekolah Menengah Perempuan .....	52
Bandingan Keberkesanan Keseluruhan Program Pendidikan Jasmani Sekolah Menengah Lelaki dan Sekolah Menengah Perempuan .....	54
Pengesanan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani .....	55
Komen Pelajar .....	58
<b>5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>60</b>
Perbincangan .....	60
Butir Biodata Responden .....	60
Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani .....	60
Aspek-Aspek Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani .....	62
Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani .....	68
Langkah-Langkah Mempertingkatkan Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani .....	70
Kesimpulan .....	73
Cadangan .....	78
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>79</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
Borang Soal Selidik Untuk Guru .....	85
Borang Soal Selidik Untuk Pelajar .....	90
Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani .....	96
Inventori Sikap Pendidikan Jasmani Wear .....	102
Surat Kebenaran /Sokongan dari: Jabatan Pendidikan Negeri Selangor .....	105
Kementerian Pendidikan Malaysia .....	107

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Data Subjek Guru .....	36
2	Data Subjek Pelajar .....	37
3	Skala tahap keberkesanan untuk Aspek Pencapaian Matlamat dan Objektif Kurikulum Pendidikan Jasmani ....	38
4	Keberkesanan Pencapaian Matlamat dan Objektif Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Perempuan .....	39
5	Keberkesanan Pencapaian Matlamat dan Objektif Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Lelaki	39
6	Skala tahap keberkesanan untuk Aspek Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani .....	40
7	Keberkesanan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Perempuan .....	40
8	Keberkesanan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Lelaki .....	40
9	Skala tahap keberkesanan untuk Aspek Faktor Pentadbir	41
10	Faktor Pentadbir Terhadap Keberkesanan Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Perempuan .....	41
11	Faktor Pentadbir Terhadap Keberkesanan Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Lelaki .....	42
12	Skala tahap keberkesanan untuk Aspek Sokongan Ibu Bapa	42
13	Sokongan Ibu Bapa Terhadap Keberkesanan Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Perempuan .....	43
14	Sokongan Ibu Bapa Terhadap Keberkesanan Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Lelaki .....	43
15	Skala tahap keberkesanan untuk Aspek Keberkesanan Guru Pendidikan Jasmani .....	44

16	Keberkesanan Guru Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Perempuan .....	44
17	Keberkesanan Guru Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Lelaki .....	45
18	Skala tahap keberkesanan untuk Aspek Keberkesanan Aktiviti Kelas Pendidikan Jasmani .....	45
19	Keberkesanan Aktiviti Kelas Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Perempuan .....	46
20	Keberkesanan Aktiviti Kelas Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Lelaki .....	46
21	Skala tahap keberkesanan untuk Aspek Keberkesanan Pelaksanaan Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani .....	47
22	Keberkesanan Pelaksanaan Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Perempuan .....	47
23	Keberkesanan Pelaksanaan Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Lelaki .....	47
24	Skala tahap keberkesanan untuk Aspek Kemudahan Fizikal dan Alatan Pendidikan Jasmani .....	48
25	Keberkesanan Kemudahan Fizikal dan Alatan Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Perempuan .....	48
26	Keberkesanan Kemudahan Fizikal dan Alatan Pendidikan Jasmani di Sekolah-Sekolah Lelaki .....	49
27	Perbandingan Aspek-Aspek Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani .....	50
28	ANOVA Aspek-Aspek Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani Mengikut Jenis Sekolah .....	51
29	Skala Tahap Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani Sekolah-Sekolah Lelaki dan Sekolah-Sekolah Perempuan.	52
30	Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani Sekolah-Sekolah Perempuan .....	52

31	Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani Sekolah-Sekolah Lelaki .....	52
32	Skala Keberkesanan Keseluruhan Program Pendidikan Jasmani Sekolah-Sekolah Lelaki dan Sekolah-Sekolah Perempuan .....	55
33	Keberkesanan Keseluruhan Program Pendidikan Jasmani untuk Sekolah-Sekolah Lelaki dan Sekolah-Sekolah Perempuan .....	55
34	Skala Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani Mengikut Item Soal Selidik .....	55
35	Bandingan Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani Mengikut Item Soal Selidik .....	56
36	Taburan Komen Pelajar-Pelajar Mengikut Kekerapan dan Peratusan .....	58
37	Susunan Sekolah Mengikut Turutan Skor Min Menurun .....	61
38	ANOVA Keberkesanan Guru Pendidikan Jasmani mengikut kelayakan ikhtisas Pendidikan Jasmani .....	66
39	ANOVA Keberkesanan Aktiviti Kelas Pendidikan Jasmani mengikut sekolah-sekolah.....	67

## BAB I

### PENGENALAN

Sebelum Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan pada tahun 1989, mata pelajaran Pendidikan Jasmani (PJ) dan Pendidikan Kesihatan (PK) merupakan dua mata pelajaran wajib yang berasingan di sekolah. Pendidikan Jasmani diperuntukkan dua waktu seminggu (80 minit) dan Pendidikan Kesihatan satu waktu seminggu. Mulai tahun 1989, Pendidikan Jasmani (PJ) telah digabungkan dengan Pendidikan Kesihatan (PK) dan dikenali sebagai mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) (Panitia PJK, 1993).

Tugas mengajar Pendidikan Kesihatan sebelum tahun 1989 diagihkan kepada guru Pendidikan Jasmani atau guru lain yang difikirkan sesuai. Kini Pendidikan Jasmani dan Kesihatan diperuntukkan dua waktu seminggu dan guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dikehendaki mengajar kedua-dua komponen, iaitu, komponen Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (Panitia PJK, 1993). Waktu pengajaran Pendidikan Jasmani jelasnya telah dikurangkan sebanyak 50%.

Pendidikan Jasmani dan Kesihatan bertujuan untuk membolehkan pelajar menjadi sihat, cergas dan produktif melalui pemupukan nilai,sikap pengetahuan dan amalan kesihatan dan kecergasan dalam kehidupan sehari-hari (PPKKPM, 1988). Ini bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan

Peranan penting Pendidikan Jasmani dalam kesihatan orang ramai ialah bagaimana Pendidikan Jasmani dapat memotivasi pelajar-pelajar untuk menjadikan

senaman sebagai satu tabiat sepanjang hayat mereka (Papaionnou, 1994). Didapati bahawa Pendidikan Jasmani di sekolah adalah dalam bentuk berorientasikan sukan dan akan dibawa ke alam dewasa pada masa depan (Murdoch, 1991). Ini menunjukkan betapa pentingnya Pendidikan Jasmani menyumbang kepada kesihatan seseorang.

Kesihatan dan kecergasan adalah antara keperluan asas bagi pencapaian kejayaan dan kesejahteraan dalam segala kegiatan hidup seseorang setiap hari sepanjang hayat (PPKKPM, 1988). Negara memerlukan rakyat yang cergas dan sihat untuk merealisasikan Wawasan 2020. Dalam konteks ini, mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan yang bersifat fungsional ini (PPKKPM, 1988) dapat membentuk pelajar yang sihat lagi cergas melalui kegiatan jasmani di peringkat sekolah dan kemudian melahirkan rakyat Malaysia yang dapat mempraktikkan pengetahuan serta kemahiran mereka untuk memelihara bangsa dan negara.

Mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan mengalami satu perubahan yang drastik lagi pada masa kini. Kurikulum tren sekarang mengasingkan Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan kepada dua komponen yang berlainan lagi. Perkara ini dapat diperhatikan daripada draf Sukatan Pelajaran Pendidikan Kesihatan bulan November tahun 1997 yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia tidak mematerikan Pendidikan Jasmani di atas. Perkara ini telah menjadi satu kenyataan apabila Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolah menengah telah diasangkan kepada Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan secara rasminya pada permulaan sesi persekolahan tahun 1999.

Terdapat lima peringkat utama proses perkembangan kurikulum, iaitu, analisis situasi, pemilihan objektif, pemilihan dan penyusunan isi, pemilihan serta penyusunan kaedah dan penilaian (Kamarudin, 1994). Selepas berpisah dengan Pendidikan

Kesihatan, Pendidikan Jasmani boleh dianggap sebagai mata pelajaran yang baru sekarang dan perlu dimajukan. Kajian ini yang dijalankan untuk mengkaji keberkesanannya. Pendidikan Jasmani adalah tepat pada masanya dijadikan peringkat analisis situasi dalam proses memperkembang kurikulum Pendidikan Jasmani baru tahun 1999.

Perkembangan sukan di Malaysia adalah kurang maju jika berbanding dengan negara-negara barat kerana ‘budaya sukan’ tidak wujud di masyarakat Malaysia. Keadaan stadium dipenuhi oleh penonton-penonton yang datang menyaksikan perlawanan permainan selalu berlaku dalam masyarakat barat dan keadaan sebegini jarang-jarang berlaku di sini. Jika berlaku, juga terhad kepada permainan bola sepak, badminton dan bola keranjang sahaja. Untuk memupuk ‘budaya sukan’ ini, sekolah adalah tempat yang paling sesuai untuk tujuan tersebut kerana ‘melentur aur biar dari rebungnya’. Demi perkembangan sukan masa depan, keberkesanannya program Pendidikan Jasmani menjadi sangat penting kerana program yang berkesan akan membentuk insan yang berminat sukan dan mengamalkan sukan dalam kehidupannya sepanjang hayat.

Kenyon (petikan Rice, 1988) berpendapat bahawa sikap pelajar-pelajar lelaki dan pelajar-pelajar perempuan terhadap program Pendidikan Jasmani adalah berbeza. Pelajar-pelajar lelaki di sekolah-sekolah menengah menganggap mata pelajaran Pendidikan Jasmani sebagai satu peluang untuk mendapat keseronokan dan persaingan, manakala pelajar-pelajar perempuan pula adalah untuk berinteraksi di samping mengekalkan kesihatan dan kecergasan (Rice, 1988). Oleh itu, keberkesanannya program Pendidikan Jasmani di sekolah lelaki dan sekolah perempuan mungkin berbeza.

### **Pernyataan Masalah**

Menurut tanggapan masyarakat, penglibatan yang giat oleh kaum lelaki dalam sukan di kalangan masyarakat membawa erti pelajar-pelajar lelaki adalah lebih senang dimotivasikan daripada pelajar-pelajar perempuan dalam Pendidikan Jasmani, sukan dan aktiviti-aktiviti kokurikulum (Flintoff, 1991). Perangai kaum perempuan yang lemah-lembut dan kurang berminat dalam sukan juga akan mempengaruhi keberkesanan program Pendidikan Jasmani di sekolah perempuan, kerana guru Pendidikan Jasmani dan pelajar-pelajarnya semua adalah perempuan dan kaum wanita.

Jadi, kajian ini yang bertujuan meninjau keberkesanan program Pendidikan Jasmani di sekolah lelaki dan sekolah perempuan di daerah Klang, Selangor dapat membekalkan pelajar-pelajar dengan pengetahuan tentang Pendidikan Jasmani seperti yang diharapkan.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Meninjau dan membandingkan keberkesanan program Pendidikan Jasmani sekolah lelaki dan sekolah perempuan terpilih di daerah Klang dari segi matlamat & objektif kurikulum, kurikulum Pendidikan Jasmani, faktor pentadbir, sokongan ibu bapa, guru, aktiviti kelas, pelaksanaan sukan pelajaran serta kemudahan fizikal dan alatan.
2. Meninjau dan membandingkan keberkesanan program Pendidikan Jasmani di sekolah menengah lelaki dan sekolah menengah perempuan yang terpilih.
3. Membandingkan keberkesanan program Pendidikan Jasmani di sekolah menengah lelaki dan sekolah menengah perempuan secara keseluruhan.

4. Mengesan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanannya program Pendidikan Jasmani di sekolah lelaki dan sekolah perempuan.
5. Mengesyorkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mempertingkatkan keberkesanannya program Pendidikan Jasmani di sekolah menengah lelaki dan sekolah menengah perempuan.

### **Kepentingan Kajian**

“Badan sihat, otak cergas.” dan “Rakyat cergas, negara kuat.” jelas menunjukkan kepada kita betapa pentingnya kesihatan fizikal dan kecergasan kepada manusia dan sesebuah negara. Minat dan asas bersukan rakyat biasanya ditanam semasa belajar di sekolah. Oleh itu, Pendidikan Jasmani di peringkat sekolah menengah adalah sangat penting. Program Pendidikan Jasmani yang berkesan boleh menghasilkan individu yang sihat dari segi fizikal, mental, emosi, rohani dan sosial.

Sikap pelajar-pelajar lelaki dan pelajar-pelajar perempuan terhadap Pendidikan Jasmani adalah berbeza. Oleh itu, adalah wajar jika satu kajian dilakukan untuk meninjau sejauh manakah keberkesanannya program Pendidikan Jasmani di sekolah lelaki dan sekolah perempuan. Daripada kajian ini, dapatlah mengesan faktor-faktor yang menjaskan keberkesanannya program Pendidikan Jasmani.

Maklumat-maklumat daripada kajian ini diharapkan dapat membantu Guru Pendidikan Jasmani dan pentadbir sekolah dalam mendapat gambaran yang jitu terhadap keperluan semasa mengadakan program Pendidikan Jasmani, sebagai panduan untuk merancang aktiviti dan menjalankan program Pendidikan Jasmani dengan lebih berkesan lagi.

Maklumat daripada kajian ini boleh disebarluaskan atau didedahkannya kepada guru-guru Pendidikan Jasmani dan pihak pentadbir supaya mereka mengetahui faktor-faktor yang menjelaskan keberkesanannya program Pendidikan Jasmani yang dikatakan penting kepada pelajar-pelajar, lalu mencari jalan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut.

Memandangkan program Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah menengah dijalankan dengan kumpulan jantina berasingan, jadi maklumat daripada kajian ini juga boleh diaplikasikan untuk mempertingkatkan keberkesanannya program Pendidikan Jasmani di semua sekolah. Semoga selepas penilaian program ini dibuat, program Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah daerah Klang dapat ditingkatkan dari segi mutu pengajaran dan pembelajaran dan pelajar-pelajar akan mendapat faedah yang maksimum daripadanya.

Adalah diharapkan juga penulisan kajian ini akan memberi manfaat kepada penyelidikan yang akan datang untuk terus mengkaji dengan lebih mendalam lagi dalam memperbaiki program Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas kepada pelajar-pelajar dan guru-guru empat buah sekolah menengah kebangsaan lelaki dan empat buah sekolah kebangsaan perempuan jenis gred A di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan. Jumlah subjek adalah terhad kepada 240 orang yang melibatkan seramai 25 orang pelajar dan lima orang guru Pendidikan Jasmani bagi setiap sekolah atau 120 orang guru dan pelajar bagi setiap jantina. Oleh sebab kajian ini terhad kepada sekolah di daerah Klang dan sekolah-sekolah di kawasan bandar sahaja, jadi hasilnya tidak boleh dianggap sebagai satu yang benar bagi sekolah-sekolah lain.

### **Limitasi**

Terdapat beberapa limitasi berikut dalam kajian ini:

1. Soal selidik ini mungkin tidak dapat merangkumi semua aspek tentang keberkesanan program Pendidikan Jasmani. Walau bagaimanapun, skop kajian ini telah dihadkan kepada persoalan yang dikemukakan dalam soal selidik.
2. Responden terpaksa memilih jawapan yang disediakan sahaja dan tidak berpeluang mengejutkan jawapan secara lisan.
3. Kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soal selidik adalah di luar kawalan penyelidik.

### **Pengertian Istilah**

Istilah-istilah yang berikut adalah istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini yang dirasakan perlu diberikan penjelasan.

### **Keberkesanan**

Keberkesanan menggambarkan setakat mana tujuan sesuatu program atau aktiviti telah tercapai (Abdul Rahim dan Ismail, 1982). Dalam kajian ini, keberkesanan program Pendidikan Jasmani akan diukur dari segi pendapat guru Pendidikan Jasmani terhadap keupayaan program dari segi matlamat dan objektif kurikulum, kurikulum Pendidikan Jasmani, faktor pentadbir dan sokongan ibu bapa; kepuasan pelajar terhadap keupayaan program dari segi guru, aktiviti kelas, pelaksanaan sukan pelajaran serta kemudahan fizikal dan alatan.

### **Program Pendidikan Jasmani**

Segala bentuk perancangan yang khususnya untuk pengajaran Pendidikan Jasmani di kelapan-lapan buah sekolah terlibat berdasarkan kurikulum (KBSM) yang sedia ada (Hurai Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani dilampirkan).

### **Sekolah Menengah Kebangsaan Lelaki**

Sekolah kerajaan yang menggunakan kurikulum biasa dan pelajar-pelajar sekolah ini terdiri daripada lelaki sahaja. Pelajar-pelajar tingkatan enam tidak dimasukkan dalam kategori ini.

### **Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan**

Sekolah kerajaan yang menggunakan kurikulum biasa dan pelajar-pelajar sekolah ini terdiri daripada perempuan sahaja. Pelajar-pelajar tingkatan enam tidak dimasukkan dalam kategori ini.

## **BAB II**

### **KAJIAN BERKAITAN**

Pendidikan Jasmani adalah penting dalam mengembangkan kesihatan mental dan fizikal pelajar. Menyediakan pelajar satu kehidupan yang sihat dan aktif adalah sepenting dengan melengkapi seseorang pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan (Whitley, Bailey, Sage dan Sargent, 1994). Menurut Masonbrink (petikan Letchumiprabah, 1997), Pendidikan Jasmani merupakan satu perancangan pendidikan yang teratur untuk memperkembang pelajar dari segi kemahiran, dalam memperoleh pengetahuan, keupayaan memahami, sikap dan perangai yang baik.

Khoo Kay Kim (1995), menyatakan bahawa mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan pada hari ini sangat terbatas pelaksanaannya. Mata pelajaran ini diabaikan kerana kekurangan guru yang berkelayakan. Selain itu, ketiadaan guru terlatih juga menyebabkan mata pelajaran ini susah dikendalikan dengan berkesan. Kebanyakan guru yang mengajar Pendidikan Jasmani terdiri daripada guru-guru wanita. Apabila mereka menghadapi masalah dari segi latihan atau aktiviti fizikal, mata pelajaran ini diabaikan secara automatik begitu sahaja. Guru-guru juga dipilih secara ‘tangkap muat’ untuk mengajar mata pelajaran tersebut di sekolah-sekolah.

Rink (1997) berpendapat bahawa guru-guru, khasnya guru Pendidikan Jasmani memikul tanggungjawab yang berat. Selain dari mengajar sukan Pendidikan Jasmani yang luas, guru Pendidikan Jasmani juga perlu berhadapan dengan pelajar-pelajar yang berbeza-beza dari segi umur, jantina, keturunan, kebudayaan, keupayaan dan pengalaman pembelajaran. Rahman (1996) mengatakan bahawa daya kreatif adalah penting di kalangan guru-guru supaya mata pelajaran yang diajar oleh mereka itu

menjadi menarik. Objektif pengajaran dan pembelajaran akan tercapai jika pelajar memberi perhatian kepada apa-apa yang diajar oleh guru.

Menurut Metzler (1990), pengajaran Pendidikan Jasmani banyak bergantung pada peralatan dan kemudahan padang untuk menjayakan pembelajaran oleh pelajar-pelajar. Tanpa peralatan dan padang/gelanggang yang sesuai, pelajar-pelajar tidak akan dapat mempelajari kemahiran Pendidikan Jasmani dengan baik.

Pendidikan Jasmani perlu dilaksanakan di sekolah menengah untuk mewujudkan individu yang sihat dan kemudian masyarakat yang sihat (Mehander, 1997). Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang diperkenalkan di sekolah menengah telah menyebabkan guru Pendidikan Jasmani perlu menyediakan pengajaran kemahiran yang luas julatnya untuk memenuhi keperluan pelajar (Sheikh Kamaruddin, 1993). Guru Pendidikan Jasmani pada masa kini bukan senang. Beliau perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran, pengetahuan dan berhadapan dengan beban kerja yang berat dalam pengajaran mahupun kegiatan kokurikulum.

### Kurikulum Bersepadu

Placek dan Sullivan (1997), telah membuat satu kajian tentang persepsi guru-guru sekolah menengah dan rendah terhadap kurikulum bersepadu. Responden ialah sekumpulan guru-guru sekolah menengah dan rendah yang menghadiri Bengkel Korikulum Bersepadu di Mesyuarat Guru-Guru Tahunan PACT/PAPT. Responden telah menyenaraikan kelebihan dan masalah-masalah pelaksanaan kurikulum bersepadu. Kelebihan-kelebihannya adalah : (1) Pelajar akan mendapat faedah kerana akan belajar lebih banyak, (2) Pendidikan Jasmani yang dipelajari oleh pelajar akan dikaitkan dengan mata pelajaran yang lain, (3) Pendidikan Jasmani tidak dianggap sebagai mata

pelajaran yang main-main sahaja tetapi satu mata pelajaran yang akan memberi faedah, dan (4) Guru-guru akan bekerja sebagai satu pasukan dan perkongsian pengetahuan akan berlaku antara satu sama lain. Masalah-masalahnya adalah seperti : (1) Terdapat sesetengah guru dan pentadbir enggan berubah sikap, (2) Pelajar-pelajar akan memberi tantangan kepada kurikulum bersepadu pada permulaan, (3) Masa untuk aktiviti fizikal akan berkurangan, (4) Guru Pendidikan Jasmani memerlukan pengetahuan yang lebih luas lagi, (5) Masa diperlukan untuk guru menggubal kurikulum bersepadu, dan (6) Perlu perbelanjaan buku teks dan bahan bantu mengajar untuk kurikulum yang baru.

Noraazah (1991) dalam kajian beliau terhadap Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) melaporkan bahawa guru-guru menunjukkan sikap positif terhadap pelaksanaan KBSM secara umumnya. Kajian juga mendapati guru-guru telah memahami objektif-objektif yang perlu dicapai dalam KBSM dengan sepenuhnya. Pada masa kini, guru-guru di Malaysia telah menyesuaikan diri dengan KBSM dan menjalani pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan KBSM.

#### Perbezaan Jantina Terhadap Corak Interaksi, Persepsi Diri & Pencapaian

Kaum perempuan mendapati penglibatan mereka dalam sukan pada masa kini menghadapi masalah bertentangan dengan ekspektasi dan imej budaya perempuan (Hill, 1991). Jika kepentingan perbezaan jantina tidak diambil kira langsung, keberkesanan program Pendidikan Jasmani akan dikatakan mengalami kekurangan dan lebih teruk lagi akan dikatakan berlakunya diskriminasi (Flintoff, 1991).

Lirgg (1993) telah menjalankan kajian terhadap kesan-kesan kelas Pendidikan Jasmani di mana pelajar-pelajar terdiri daripada jantina yang sama dan pelajar-pelajar yang terdiri daripada jantina berlainan di sekolah menengah rendah (middle school)